

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

**DARIPADA : Tuan Budiman bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar]**

**SOALAN : Tuan Budiman bin Mohd Zohdi
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

sejauh manakah kebenaran dakwaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bahawa terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam menyorokkan bekalan ikan sehingga menjadi punca harga ikan di pasaran melambung tinggi dan apakah usaha pihak Kementerian dalam mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak pernah mengeluarkan dakwaan bahawa terdapat beberapa pihak yang menyorokkan bekalan ikan sehingga menjadi punca harga ikan di pasaran melambung tinggi.

Berdasarkan kepada data pendaratan ikan melalui sistem e-Pengisytiharan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, jumlah pendaratan ikan menunjukkan penurunan bagi 3 bulan terakhir tahun 2016 disebabkan oleh musim tengkujuh. Faktor tersebut mendorong kepada kenaikan harga ikan di pasaran selain daripada peningkatan permintaan berikutan sambutan perayaan Tahun Baru Cina.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

(1) **Menggalakkan Penggunaan Ikan Sejuk Beku**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah memperkenalkan Program Q'Fish bagi menggalakkan

pengguna memilih ikan segar sejuk beku sebagai alternatif kepada ikan segar basah yang sukar diperolehi semasa musim tengkujuh.

Program Q'Fish ini menawarkan bekalan ikan sejuk beku dengan harga yang berpatutan kepada pengguna dan boleh didapati melalui 118 outlet di seluruh negara. Bagi mempromosikan ikan Q'Fish ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia melalui penglibatan NEKMAT dan Persatuan Nelayan Negeri Kedah giat melaksanakan jualan ikan Q'Fish di pasar tani dan MyFarm Outlet.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga sedang merancang usahasama secara NBOS dengan pihak Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan Malaysia dalam melaksanakan promosi dan jualan Q'Fish di RTC dan UTC. Projek rintis ini dirancang untuk dilaksanakan di UTC Johor sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

(2) **Sekatan Eksport Bagi Spesies Ikan Terpilih**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih pada pra dan

pasca perayaan dan musim tengkujuh di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010.

Sekatan eksport ini dilaksanakan selama 6 bulan iaitu 3 bulan pertama sepanjang bulan puasa dan hari raya aidilfitri serta 3 bulan seterusnya sepanjang tahun baru cina dan musim tengkujuh.

Kriteria spesis ikan yang disekat semasa musim perayaan dan musim tengkujuh adalah merangkumi spesis yang mendapat permintaan yang tinggi dari rakyat tempatan seperti kembung, selar, pari, cencaru, selayang dan tongkol manakala semasa perayaan tahun baru cina spesis ikan seperti bawal putih serta udang putih besar adalah disekat. Spesis-spesis ikan ini tidak dibenarkan untuk dieksport secara segar atau basah.

Pelaksanaan sekatan eksport ini bertujuan memastikan bekalan ikan yang mencukupi bagi rakyat tempatan pada harga yang berpatutan serta menjamin bekalan stok ikan dalam negara mencukupi ekoran daripada permintaan yang tinggi pada musim tengkujuh dan perayaan.

(3) **Stok Simpanan Ikan Sejuk Beku**

Sebanyak 3 buah persatuan nelayan iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD) dan Persatuan Nelayan

Kawasan Besut (PNK Besut) diberi tanggungjawab untuk menjadi pusat simpanan ikan segar sejuk beku.

Stok simpanan ikan sejuk beku sedia ada sebanyak 145 metrik tan ini mampu menampung bekalan ikan bagi kawasan tengah, selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Di antara spesies ikan yang terdapat di stok simpanan adalah kembong, selayang, cencaru, selar dan pelaling yang merupakan antara 20 spesies pilihan rakyat Malaysia.

Selain itu, NEKMAT turut mengimport bekalan ikan sejuk beku daripada negara terpilih seperti Bangladesh, Sri Lanka, India dan Pakistan sebagai bekalan awasan sekiranya permintaan meningkat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT DR. MICHAEL TEO YU
KENG [MIRI]**

SOALAN :

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan perundingan dengan kerajaan Negeri Sarawak atas isu penurunan kuasa dan autonomi ke negeri Sarawak dan berapa lamakah jangka masa yang diperlukan untuk memuktamadkan proses untuk penurunan kuasa dan autonomi ke negeri Sarawak.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 13 perkara telah dipersetujui bagi tujuan penurunan kuasa secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sarawak seperti berikut:-

- (1) Pegawai undang-undang negeri (PUU) diberi kuasa oleh pendakwa raya di bawah Kanun Tatacara Jenayah untuk menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah ordinan negeri daripada peringkat pertuduhan di mahkamah rendah sehingga ke peringkat rayuan;
- (2) Penurunan kuasa kepada pegawai negeri bagi mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan untuk melantik pegawai ke Perkhidmatan Awam Persekutuan termasuk ke perkhidmatan perguruan dan kesihatan;
- (3) Menambahbaik fungsi penguatkuasaan di Jabatan Imigresen dengan pertambahan 100 jawatan baharu;
- (4) Jumlah guru anak kelahiran Sarawak bertugas di Negeri Sarawak akan ditingkatkan kepada nisbah 90% daripada jumlah keseluruhan guru di Negeri Sarawak menjelang tahun 2018. Sebagai langkah memastikan sasaran ini

tercapai, maka guru sandaran daripada pasaran terbuka akan dipertimbangkan dari masa ke semasa;

- (5) Pemberian kuasa warden lalulintas kepada Majlis Bandaraya Miri selain daripada Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan;
- (6) Kerajaan Negeri akan dirujuk sebelum permohonan mendapatkan Permit Perikanan Laut Dalam dibawa ke pertimbangan dalam Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam (JPPLD);
- (7) Kerajaan Negeri akan dirujuk dalam proses penggubalan undang-undang Persekutuan yang mempunyai implikasi kepada Negeri Sarawak di mana diperuntukkan oleh undang-undang;
- (8) Perancangan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan di Negeri Sarawak akan memberi keutamaan kepada Pelan Pembangunan 5 Tahun Negeri Sarawak berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan. Pelaksanaan projek akan dirujuk/dirunding bersama antara Kementerian dan Kerajaan Negeri seperti penentuan lokasi sekolah, hospital serta pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lain;
- (9) Kementerian akan mengambil langkah-langkah penambahbaikan bagi meningkatkan jumlah kemasukan

pelajar dari kalangan anak-anak Negeri Sarawak ke program ijazah sarjana muda perubatan di universiti awam tempatan. Anak-anak negeri akan diberi peluang yang lebih besar bagi memasuki program pengajian *foundation* di UNIMAS;

- (10) Untuk mengenalpasti bidang-bidang Kuasa Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia di bawah Seksyen 49 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang boleh diwakilkan kepada pegawai / jabatan negeri;
- (11) Pelaksanaan pembangunan projek perumahan awam di Sarawak dilaksanakan semula melalui Joint Committee Meeting (JCM), agar agensi negeri dapat terlibat sepenuhnya dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program-program perumahan awam di negeri Sarawak;
- (12) Pembangunan sukan di Negeri Sarawak ditadbir bersama dengan Kerajaan Negeri. Kementerian Belia dan Sukan juga sedang dalam proses menambahbaik Akta Pembangunan Sukan 1997 dan dijangka selesai pada akhir tahun 2016; dan
- (13) Kerajaan Negeri akan melaksanakan semua fungsi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua perjawatan akan dipindahkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri. Kerajaan Persekutuan akan menyumbang 50% kos yang

ditanggung seperti diputuskan oleh Majlis Kewangan
Negara.

Sekian, terima kasih.